

# 'Strategi baru akan dilaksanakan'



● DATUK MUSA

## Sekiranya DEB jauh dari sasaran menjelang 1990

SINGAPURA, Sabtu — Datuk Musa Hitam menyatakan kerajaan Malaysia mungkin melaksanakan strategi baru menjelang 1990, jika pencapaian matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat masih jauh dari sasarannya.

Timbalan Perdana Menteri berkata sekali pun kerajaan mengangap DEB berjaya, adalah wajar baginya memikirkan tentang satu strategi baru kerana Malaysia adalah negara dinamik.

Langkah tersebut, bagaimanapun, hendaklah

### Jangan guna setem 10 sen untuk Kad Hari Raya'

**JOHOR BAHRU,** Sabtu — Jabatan Perkhidmatan Pos Johor mengingatkan orang ramai jangan menggunakan setem 10 sen untuk kad-kad Selamat Hari Raya.

Pengarahnya, Encik Abdul Rahman Abdul Manan berkata, setem bagi kad Selamat Hari Raya ialah 10 sen. Jika setem 10 sen digunakan, kad Selamat Hari Raya mungkin lewat sampai dan si penerima akan didenda.

Katanya, kira-kira 50 peratus kad Tahun Baru Cina Februari lalu menggunakan setem 10 sen. Akibatnya ramai yang didenda.

"Kita tidak mahu mendenda orang ramai. Tetapi orang ramai harus sedar, keperluan kecil mereka boleh menyusahkan saudara atau rakan sendiri," katanya.

Menurut beliau, tarikh penerimaan kad Selamat Hari Raya ialah 1 Julai (untuk Semenanjung) dan 28 Jun (Sabah dan Sarawak).

### Dari JAAFAR HUSSIN

yang dapat diterima oleh seluruh negara selaras dengan proses politiknya.

"Yang lebih penting, ia mestilah mendapat persetujuan ramai dan persofahaman menyeluruh dari rakan-rakan bukan Melayu dalam kerajaan, katanya kepada 'Asean Forecast' — sebuah digest bulanan terbitan di Singapura.

Datuk Musa menekankan tidak ada sebarang ketetapan DEB mestilah berakhir menjelang 1990.

"Kita mesti meneliti perkara ini. Beberapa tindakan akan dijalankan untuk menjinjak keadaannya," tambah beliau.

### Memikirkan lebih jauh

"Pertama, semakan separuh pengal rancangan Malaysia. Kedua, penilaian jangka pendek tentang apa yang dikatakan rancangan Malaysia itu.

"Kemudian, kita terpaksa pula memikirkan tentang Rancangan Malaysia Kelima dan ketika Rancangan Malaysia Kelima memasuki tahun 1990, kita perlu pula memikirkan lebih jauh dari itu."

Bagaimanapun, kata beliau, masih terlalu awal untuk memperkatakan apa yang akan dilakukan.

Tentang pencapaian DEB setakat ini, Datuk Musa berkata jika dilihat dari segi angka, angapan ialah matlamat 30 peratus itu telah dicapai. Tetapi beliau mengingatkan keadaannya sangat 'rumit dan kompleks' dan proses penelitian masih berjalan.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan beliau masih kurang senang dengan rancangan menghapuskan kemiskinan kerana jurang perbezaan yang begitu besar dalam pendapatan. Misalnya, antara petani dengan pekerja bandar, yang pendapatannya masih dua kali lebih banyak daripada petani walaupun petani telah memperolehi tahap pendapatannya.

Datuk Musa juga berkata DEB telah berjaya menubuh dengan 'pesatnya' corak ekonomi selepas 10 tahun perlaksanaannya.

● Lihat MUKA 2

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Musa terang konsep penswastaan

## ● DARI MUKA 1

Contoh yang jelas, kata Timbalan Perdana Menteri, ialah perubahan sifat sektor korporat Malaysia dari perbadanan kebangsaan kepada perbadanan pelbagai negara.

Tentang penswastaan dan DEB, beliau menekankan walaupun ada kemungkinan percanggahan matlamat antaranya, pentadbiran Mahathir akan sentiasa memastikan konsep penswastaan itu selaras dengan kehendak-kehendak DEB.

Datuk Musa berkata konsep Bumiputera sekarang ialah 'kurang Bumiputeranya' dengan erti kata walaupun sesebuah syarikat itu dimiliki oleh Bumiputera, firma tersebut mungkin mempunyai para profesional dan kakitangan dari kaum-kaum lain berganding bahu dengan pekerja-pekerja Bumiputera.

Beliau juga menerangkan tentang perbezaan antara penswastaan dengan konsep persyarikatan Malaysia.

Secara ringkas, kata beliau, penswastaan bererti menyerahkan setengah-setengah perkhidmatan kepada sektor swasta untuk diurus dengan didasarkan kepada keuntungan dan kecekapan.

Konsep persyarikatan Malaysia pula, kata Datuk Musa, ialah pertamanya bertujuan mentadbir kerajaan mirip kepada pengurusan perniagaan, dan keduanya menukar sikap kedua-dua sektor awam dan swasta terhadap satu sama lain.

Tentang corak kepemimpinan baru di Malaysia, Datuk Musa berkata pentadbiran Mahathir terkenal dengan 'kejutan-kejutannya' bagi mewujudkan perubahan sikap dari kalangan rakyat.

'Kejutan-kejutan' yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sejak menjadi Perdana Menteri kira-kira dua tahun lalu pada asasnya bertujuan menyentak rakyat dari sikap sambil lewa dan 'tahu ada saja'.

"Kejutan-kejutan itu baik, malah setengah-setengahnya pula kontroversial tetapi tujuan asasnya ialah untuk menyentak rakyat dari sikap sambil lewa supaya mereka mempunyai haluan yang lebih pasti," tambah Datuk Musa.

Tentang pandangannya mengenai Malaysia secara am dan orang Melayu secara khusus, Timbalan Perdana Menteri berkata konsepnya tetap tidak berubah sejak penubuhan **Malaysia** — iaitu kelahiran sebuah negara Malaysia, semangat identiti Malaysia, perpaduan Malaysia dan semangat kepunyaan Malaysia.

Datuk Musa menekankan adalah sama pentingnya bagi Cina, India dan kaum-kaum lain lebih bersemangat sebagai rakyat Malaysia seperti orang Melayu.

Negara, katanya, mempunyai satu rancangan yang lebih menentu untuk mencapai kejayaan sebagai sebuah watan yang tegak dengan nasionalisme Malaysia. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia